

19 DEC 1999

Hadi-Kerjasama

PAS SEDIA JALIN KERJASAMA DUA HALA DENGAN KERAJAAN PUSAT

KUALA TERENGGANU, 19 Dis (Bernama) -- Kerajaan PAS Terengganu sedia menjalin kerjasama dua hala dengan Kerajaan Pusat terutama dalam memastikan kesejahteraan rakyat, kata Menteri Besar Haji Abdul Hadi Awang.

Abdul Hadi menyambut baik kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Kerajaan Pusat sedia bekerjasama dengan kerajaan PAS di Terengganu dan Kelantan asalkan kerjasama itu bukan "sebelah tangan" sahaja.

Bagaimanapun, katanya untuk mewujudkan hubungan dua hala yang baik, kerajaan pusat juga harus bersedia mendengar pandangan Kerajaan PAS di kedua-dua negeri itu.

"Kerjasama mesti dua hala, kalau satu hala tak nama kerjasama...dua hala dalam perkara yang berkait antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri," katanya pada persidangan berita di pejabatnya di sini, hari ini.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri akan sentiasa membantu Kerajaan Pusat dalam meneruskan projek-projek yang boleh membawa kesejahteraan kepada rakyat seperti pembinaan jalan raya dan sekolah.

Mengenai persidangan Dewan Undangan Negeri yang pertama bagi kerajaan PAS Terengganu esok, Abdul Hadi berkata Kerajaan Negeri akan mengambil sikap terbuka dan telus dengan memberi peluang yang cukup kepada pembangkang (Barisan Nasional) untuk mengemukakan soalan.

"Kita akan beri peluang yang cukup, InsyaAllah tak ada soalan yang ditolak...masa kita dulu banyak soalan yang ditolak," katanya.

Persidangan Dewan Undangan Negeri selama empat hari mulai esok itu juga akan membahaskan belanjawan tahun 2000 yang meletakkan Islam sebagai prinsip kepada ekonomi negeri dan penekanan kepada kepimpinan rakyat serta golongan miskin.

"Bantuan kepada golongan miskin akan ditambah," katanya.

Mengenai cadangan menuntut tambahan royalti minyak daripada lima peratus yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri kini, Abdul Hadi berkata perkara itu masih di peringkat kajian.

"Kami akan kaji dulu secara terperinci sebelum kami kemukakan apa-apa perkara kepada Kerajaan Pusat," katanya.

Mengenai kenyataan Dr Mahathir semalam yang Kerajaan Negeri perlu memahami bahawa kawasan petroleum itu terletak di perairan antarabangsa dan bukan milik Terengganu, Abdul Hadi berkata pemberian royalti petroleum kepada Terengganu berdasarkan perjanjian yang ada dan hak sebagai negeri yang paling hampir dengan hasil petroleum itu.

"Kita ada perjanjian...begitu juga dalam hak kita sebagai negeri yang berhampiran dengan hasil petroleum itu. Ini adalah perkara adab dan adab dalam negara dan masyarakat," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, di negara lain, daerah yang dekat laut tidak mendapat sebarang royalti dan semua pendapatan daripada hasil petroleum milik Kerajaan Pusat dan pemberian royalti kepada Terengganu hanya sebagai keistimewaan.

Abdul Hadi, ketika ditanya mengenai laporan akhbar semalam bahawa beliau dan anggota Exco, Mustafa Ali akan meletakkan jawatan masing-masing sebagai Ahli Parlimen Marang dan Dungun, berkata perkara itu tidak timbul.

"Apa yang ada dalam berita itu tak timbul...ini (berita itu) diada-adakan sahaja," katanya.

Beliau berkata, bagaimanapun semua bergantung kepada keputusan kepimpinan parti.

-- BERNAMA
SN PR